



Rujukan Kami: 600-BPD(JPbSM/UP/Pep.2/3/3)

Tarikh : 5 Januari 2015

Rektor/Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Unit

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Y.Bhg. Datuk/Datin Paduka/Prof./Tuan/Puan

**TAWARAN PEPERIKSAAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI
JAWATAN YANG MEMPUNYAI PERBEKALAN PSL DI UiTM**

Dengan segala hormatnya, dimaklumkan bahawa Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Universiti Teknologi MARA akan menganjurkan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) bagi jawatan yang disenaraikan sebagai kelayakan masuk kepada gred jawatan yang lebih tinggi mengikut Skim Perkhidmatan yang melayakkan.

2. Peperiksaan yang ditawarkan adalah bagi perbekalan skim berikut:-

Bil.	Jawatan	Bagi Ke Gred Jawatan KPSL
i.	Penolong Pegawai Kesatria (S27)	Pegawai Kesatria (S 41)
ii.	Pembantu Kesatria (S17)	Penolong Pegawai Kesatria (S27)
iii.	Penolong Pengurus Asrama (N27)	Pengurus Asrama (N41)
iv.	Penyelia Asrama (N17)	Penolong Pengurus Asrama (N27)
v.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)	Pegawai Hal Ehwal Islam (S41)
vi.	Pembantu Hal Ehwal Islam (S17)	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)
vii.	Pengawal Keselamatan (KP11/14)	Pembantu Keselamatan (KP17)
viii.	Pembantu Keselamatan (KP17/22)	Penolong Pegawai Keselamatan (KP27)
ix.	Penolong Pegawai Keselamatan (KP27/32)	Pegawai Keselamatan (KP41)
xi.	Operator Mesin Pemprosesan Data (OMPD) (F11/14)	Juruteknik Komputer (FT17)
xii.	Pembantu Perpustakaan (S17/22/26)	Penolong Pegawai Perpustakaan (S27)

Laman web : <http://pendaftar.uitm.edu.my>



Certified to ISO 9001:2008
Cert. No. : AR 3347

Certified to ISO 9001:2008
Cert. No. : MY-AR 3347

Rujukan Kami: 600-BPD(JPbSM/UP/Pep.2/3/3)
Tarikh : 5 Januari 2015

3. Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut :-

- i. Disahkan dalam perkhidmatan
- ii. Diperaku oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

4. Sehubungan itu, pihak jabatan mempelawa semua staf jawatan berkenaan yang berkecualan untuk memohon. Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 Februari 2015**.

5. Bersama ini disertakan borang permohonan bagi peperiksaan berkenaan. Borang permohonan dan sukatan juga boleh didapati melalui muat turun dalam Portal I-Staf UiTM. **Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.**

6. Sila ambil perhatian bahawa peperiksaan ini akan dijalankan pada **24-26 Februari 2015**.

7. Sukacita dapat pihak Y.Bhg. Datuk/ Datin Paduka/Prof./Tuan/Puan memanjangkan perkara ini kepada staf-staf Y.Bhg. Datuk/ Datin Paduka/Prof./Tuan/Puan yang berkenaan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dimajukan kepada Unit Kompetensi, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia ditalian 03-55211621/ 5544 3104/3185.

Sekian, terima kasih.

**JADIKAN UiTM YANG TERBAIK
UTAMAKAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME**

Yang benar



HAJI JAMALUDIN HAJI ARDANI
Ketua

lamp.